



SURAT AKU JANJI PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI KPM

Saya:

No. Kad Pengenalan:

Jurusan:

No. Matrik: dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik dan akan sentiasa mempertingkatkan budi pekerti yang mulia. Saya akan mematuhi semua undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar Kolej Matrikulasi ("Kolej") yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi seorang pelajar Kolej. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain:

- 1) akan mematuhi Seksyen 10 (2) Akta 174 - Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 bahawa seseorang pelajar Institusi tidak boleh—
 - (a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
 - (b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang Menteri, selepas berunding dengan Ketua Eksekutif, menetapkan dan menyatakan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Institusi itu.
- 2) akan mematuhi Seksyen 10 untuk tidak menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap—
 - (a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
 - (b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang Menteri, selepas berunding dengan Ketua Eksekutif, menetapkan dan menyatakan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Institusi itu.
- 3) akan mematuhi peraturan berkenaan dengan tatatertib am sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta 174 - Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 termasuklah:-
 - (a) tidak akan melanggar peruntukan berhubung dengan larangan am, yang antara lain termasuklah :-
 - (i) berkelakuan, sama ada di dalam atau di luar kampus, secara yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik Institusi, atau kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja Institusi, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau kepada akhlak, kesopanan atau tatatertib; dan
 - (ii) melanggar mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus.
 - (b) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain. Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah—
 - (i) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data, atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau

- (ii) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.
 - (c) peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah, tutorial dan amali serta sekatan tentang penggunaan teks kuliah;
 - (d) peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam peperiksaan dan kelakuan pelajar semasa peperiksaan dijalankan;
 - (e) peruntukan berkenaan dengan penerbitan, pembahagian dan pengedaran apa-apa dokumen di dalam atau di luar kolej;
 - (f) peruntukan berkenaan dengan penganjuran perhimpunan, penggunaan pembesar suara dan sepanduk;
 - (g) peruntukan berkenaan dengan kegiatan pelajar di luar kampus dan pelibatan pelajar dalam bidang pekerjaan;
 - (h) peruntukan berkenaan dengan larangan berjudi, minum dan memiliki minuman keras, berkelakuan tidak senonoh, memiliki bahan lucuk, memiliki dan menggunakan dadah dan racun; dan
 - (i) peruntukan berkenaan dengan kebersihan di dalam kolej dan pakaian pelajar.
- 4) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib kolej kediaman sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Pelajar Program Matrikulasi yang berkuatkuasa pada 7 Jun 2026;
- 5) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib lalu lintas jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Pelajar Program Matrikulasi yang berkuatkuasa pada 22 Jun 2025.

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan berkenaan, termasuklah dibuang daripada Kolej.

_____ Tarikh : _____

Tandatangan Pelajar

Nama : _____
Pelajar

Alamat : _____
Tetap

_____ Tarikh : _____

*Tandatangan

Nama :

Jawatan :

*Timbalan Pengarah/ Ketua Jabatan/ Ketua Felo